**PERATURAN PERMARKAHAN**
**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM**
**KESUSASTERAAN MELAYU KOMUNIKATIF**
**SPM 2025**

**Pemberian markah berdasarkan isi dan penyampaian.**

**(a) Isi**

**Markah bagi isi berdasarkan peraturan permarkahan yang ditetapkan.**

| | |
|---|---|
| **(i) Fakta berserta huraian/contoh** | **2 markah** **[1 +1 markah]** |
| | **4 markah** **[2+2 markah]** |
| **(ii) Fakta tanpa contoh** | **1,2@4 markah** |
| **(iii) Fakta betul, contoh salah** | **1@2 markah** |
| **(iv) Fakta salah, contoh betul** | **0 markah** |

**(b) Penyampaian**

**(i) Jawapan Bahagian A dalam bentuk struktur/ jawapan ringkas/ jawapan pendek. Jawapan Bahagian B dalam bentuk esei.**
**(ii) Menggunakan bahasa yang betul.**
**(iii) Menggunakan ejaan yang betul dan lengkap.**
**(iv) Soalan perbandingan dikehendaki mengikuti perbandingan terus**

Join SPM Study Group
https://spmpaper.me/group

## BAHAGIAN A
**[40 markah]**

| | | | |
|---|---|---|---|
| **1** | | **Latar masa** | **Markah** |
| | **(i)** | **Pada berminggu-minggu**<br>Contoh : Sudah berminggu-minggu, atau mungkin berbulan-bulan, mainan itu belum selesai. | [1+1] |
| | **(ii)** | **Pada berbulan-bulan**<br>Contoh : Sudah berminggu-minggu, atau mungkin berbulan-bulan, mainan itu belum selesai. | [1+1] |
| | **(iii)** | **Pada Suatu dinihari**<br>Contoh : Hanya pada suatu dinihari, ketika dia terlentang lesu, | [1+1] |

**[Maksimum : 4 markah]**

| | | | |
|---|---|---|---|
| **2** | | **Maksud** | |
| | | Maksud rangkap tersebut ialah penulis menyatakan bahawa: | |
| | **(i)** | Menteri berjalan disekitar kawasan untuk mencari air | 1 |
| | **(ii)** | Menteri berjumpa dengan taman Bidasari | 1 |
| | **(iii)** | Tiga orang menteri tersebut berasa hairan | 1 |
| | **(iv)** | Tiga orang menteri pun menghampiri Taman tersebut. | 1 |

**[Maksimum : 4 markah]**

| | | | |
|---|---|---|---|
| **3** | | **Perwatakan Zaki** | |
| | **(i)** | **Seorang yang penyayang**<br>Contoh:Aku ingin memberikan sebanyak-banyak mungkin kebahagiaan pada sisa-sisa umur ibuku. | [1+1] |
| | **(ii)** | **Seorang yang mengenang budi/jasa**<br>Contoh :Aku ingin memberikan sebanyak-banyak mungkin kebahagiaan pada sisa-sisa umur ibuku. Dialah yang telah mengasuh dan mendidikku selama ini. | [1+1] |
| | **(iii)** | **Seorang yang bertanggungjawab**<br>Contoh :Aku sedang berurusan dengan Doktor Chan, pakar mata untuk merawatnya. | [1+1] |

**[Maksimum : 4 markah]**

 © 2025 Hak Cipta SMKT 

**4** **Unsur bunyi** **Markah**

**(i)** **Asonansi** [1+1]
Contoh :kuharap kau dapat membaca / kuharap kau dapat membaca
( pengulangan bunyi vokal huruf a)

**(ii)** **Aliterasi** [1+1]
Contoh :mengejek kami dengan pembelotan / mengejek kami dengan pembelotan ( pengulangan bunyi konsonan huruf n)

**(iii)** **Rima akhir** [1+1]
Contoh : Rima akhir rangkap 1 ialah abcdec dan rangkap 2 abb

**[Maksimum : 4 markah]**

**5** **Ciri Sastera Panji**

**(i)** **Ada watak putera puteri Raja Jawa** [1+1]
Contoh : Raden Menteri dan Ken Tambohan

**(ii)** **Ada watak wira dan wirawati** [1+1]
Contoh : Raden Menteri merupakan wira dan Ken Tambohan merupakan wirawati.

**(iii)** **Ada unsur kepercayaan kepada mimpi** [1+1]
Contoh : Menangislah kedua-dua suami isteri itu kerana mereka mengetahui bahawa takbir mimpi itu ialah penceraian antara mereka berdua.

**[Maksimum : 4 markah]**

**6** **Nada**

**(i)** **Nada Patriotisme** [2+2]
Contoh :
Degup dingin anak-anak bangsa
Masih kental mengisi mimpi/
Membenteng tanah yang sesusuk ini
Dengan harga cinta tak tertawarkan
Dengan anyam kasih tak tercelakan./
Kemerdekaan yang kita genggam bukan kata hiasan
Seperti kedaulatan bukan hanya seuntai slogan/
Telah berjanji kita atas nama bumi pusaka
Sepakat rela kita julang menjunjungnya
ke puncak persada.

**[Maksimum : 4 markah]**

 © 2025 Hak Cipta SMKT 

| | | | |
|---|---|---|---|
| **7** | | **Persoalan** | **Markah** |
| | **(i)** | **Persoalan tentang kejujuran dalam tindakan**<br>Contoh : BLACKWAY : Ini Puloo Pinang. Francis Light curi daripada Sultan Kedah. Awak tak sekolah, bukan? Sekarang saya kasi tahu sama awak cerita yang betul. | [2+2] |
| | **(ii)** | **Persoalan tentang penipuan demi keuntungan/kekayaan**<br>Contoh : BLACKWAY : Tak betul. Sama sekali tak betul. Light menipu Sultan Abdullah supaya serahkan ini *Puloo* Pinang sama Inggeris. Inggeris mahu ini *Puloo* Pinang untuk dijadikan pelabuhan persinggahan antara Barat dengan Timur supaya urusan perdagangan Inggeris dengan China boleh diteruskan dengan adanya pelabuhan entrepot seperti *Puloo* Pinang ini. Di samping itu, Inggeris boleh mengaut hasil emas, bijih timah, perak daripada Tanah Melayu. | [2+2] |
| | **(iii)** | **Persoalan tentang penyesalan terhadap perbuatan lampau**<br>Contoh : BLACKWAY : Bukan. Sudah beratus tahun saya berasa bersalah atas penipuan dan pengkhianatan yang saya dan Light lakukan terhadap Sultan Muhammad Jiwa, Sultan Abdullah dan orang Melayu. | [2+2] |

**[Maksimum : 4 markah]**

| | | | |
|---|---|---|---|
| **8** | | **Unsur Keagamaan** | |
| | **(i)** | **Gelaran/Jawatan berunsurkan keagamaan**<br>Contoh : **Tok siak, pak lebai,** dan **imam masjid** di kampungnya itu pun tak pernah menghina kerja-kerja seni Pak Yasok sebegitu rupa. | [1+1] |
| | **(ii)** | **Institusi berunsurkan keagamaan**<br>Contoh : Pak Yasok ke **surau** dan ke **masjid** seperti orang lain juga. | [1+1] |
| | **(iii)** | **Amalan berunsurkan keagamaan**<br>Contoh : berzakat, solat isyak | [1+1] |

**[Maksimum : 4 markah]**

 © 2025 Hak Cipta SMKT 

| | | | |
|---|---|---|---|
| **9.** | | **Sanjungan terhadap nilai** | **Markah** |
| | **(i)** | **Nilai merendah diri dalam kehidupan**<br>Contoh : Dia sudah berjanji kepada dirinya sendiri untuk lebih banyak diam, lebih banyak mendengar dan kelihatan lebih bodoh. | [2+2] |
| | **(ii)** | **Nilai disiplin dalam melakukan pekerjaan**<br>Contoh : Dia memperlihatkan disiplin serta dedikasi yang tinggi selama bekerja di stor itu. | [2+2] |
| | **(iii)** | **Nilai dedikasi dalam melakukan tugasan**<br>Contoh : Dia memperlihatkan disiplin serta dedikasi yang tinggi selama bekerja di stor itu. | [2+2] |

**[Maksimum : 4 markah]**

| | | | |
|---|---|---|---|
| **10.** | | **Ciri Kepemimpinan Phra Cau** | |
| | **(i)** | **Pemimpin yang pemurah dalam tindakan.**<br>Contoh : Maka titah Phra Cau, “Hai Laksamana, jangankan empat ekor Raja Melaka hendakkan gajah, jika empat puluh sekalipun kita beri! | [2+2] |
| | **(ii)** | **Pemimpin yang menghargai bakat/ kelebihan orang lain.**<br>Contoh : Maka Phra Cau pun hairan melihat sikap Laksamana dan tahu berkata-kata cara Siam dengan fasih lidahnya dan manis suaranya, Maka raja pun terlalu amat kurnia akan Laksamana dan dipersalin cara Siam. | [2+2] |

**[Maksimum : 4 markah]**

 © 2025 Hak Cipta SMKT 

## BAHAGIAN B
## (60 MARKAH)

| 11.a) | | Gaya Bahasa | Markah |
|---|---|---|---|
| | (i) | **Asonansi**<br>Contoh : Apabila terpelihara mata / Apabila terpelihara mata<br>( pengulangan huruf vokal a) | [1+1] |
| | (ii) | **Aliterasi**<br>Contoh : Apabila perut terlalu penuh /apabila perut terlalu penuh<br>( pengulangan huruf konsonan p) | [1+1] |
| | (iii) | **Repitisi Kata**<br>Contoh : Apabila/yang/ lihat | [1+1] |
| | (iv) | **Inversi**<br>Contoh : Bersungguh-sungguh engkau memeliharakan tangan, | [1+1] |
| | (v) | **Bahasa asing/Bahasa Arab**<br>Contoh : keluarlah **fiil** yang tiada senonoh/ fiil | [1+1] |
| | (vi) | **Repitisi frasa**<br>Contoh : Jika hendak mengenal orang | [1+1] |

**[Maksimum : 4 markah]**

| 11.b) | | Pengajaran | |
|---|---|---|---|
| | (i) | **Kita hendaklah menjaga penglihatan daripada melihat perkara tidak baik.**<br>Contoh : Apabila terpelihara mata, sedikit cita-cita. | [2+2] |
| | (ii) | **Kita hendaklah menjaga pendengaran daripada mendengar perkara tidak baik.**<br>Contoh :Apabila terpelihara kuping, khabar yang jahat tidaklah damping. | [2+2] |
| | (iii) | **Kita hendaklah membuat kerja yang baik dengan bersungguh-sungguh.**<br>Contoh :Bersungguh-sungguh engkau memeliharakan tangan, daripada segala berat dan ringan. | [2+2] |
| | (iv) | **Kita hendaklah mengelakkan melakukan perbuatan yang tidak baik.**<br>Contoh : Apabila perut terlalu penuh, keluarlah fiil yang tiada senonoh. | [2+2] |

**(v)** **Kita hendaklah membuat perkara yang berfaedah.** [2+2]
Contoh : Hendakah peliharakan kaki, daripada berjalan membawa rugi.

**(vi)** **Kita hendaklah berbudi bahasa dalam kehidupan seharian.** [2+2]
Contoh : Jika hendak mengenal orang yang berbangsa,lihat kepada budi bahasa.

**(vii)** **Kita hendaklah bijak menimba ilmu sebaik mungkin semasa hidup.** [2+2]
Contoh : Jika hendak mengenal orang berakal, di dalam dunia mengambil bekal.

**[Maksimum : 8 markah]**

**11.c)** **Pengkaryaan : Cipta 4 rangkap Gurindam bertemakan akhlak mul**

| | | |
|---|---|---|
| **(i)** | Tema | 2 |
| **(ii)** | Bentuk | 2 |
| **(iii)** | Bahasa | 2 |
| **(iv)** | Kreativiti | 2 |

**[Maksimum : 8 markah]**

**Nota :**

1. **Jumlah rangkap gurindam yang dicipta calon, kurang daripada empat rangkap, berikan 4 markah maksimum.**
2. **Jika calon tidak menulis tajuk gurindam, tolak 1 markah kreativiti.**
3. **Jumlah rangkap gurindam yang dicipta oleh calon lebih daripada empat rangkap, periksa seperti biasa.**
4. **Gurindam yang tidak menepati tema, berikan markah 0 tema**

 © 2025 Hak Cipta SMKT 

**12.a)** **Pemindahan maklumat : Barangan yang diberi kepada budak itu** **Markah**

| | | Markah |
|---|---|---|
| **(i)** | beras | 1 |
| **(ii)** | padi | 1 |
| **(iii)** | Kain baju | 1 |
| **(iv)** | Ubi | 1 |
| **(v)** | Pisang | 1 |
| **(vi)** | Keladi | 1 |
| **(vii)** | Berbagai jenis buah-buahan | 1 |

**[Maksimum : 4 markah]**

**12.b)** **Latar tempat**

**(i)** **Rumah budak miskin** [1+1]
Huraian : tempat kediaman budak miskin, ibu budak miskin, anak ular naga, anak helang dan anak tikus

**(ii)** **Rumah Syahbandar** [1+1]
Huraian: Budak miskin membawa anak ular naga ,anak helang dan anak tikus ke rumah Syahbandar untuk ditunjukkan kepada Syahbandar. / Syahbandar menjemput budak miskin ke rumahnya untuk melihat kehebatan anak ular naga, anak helang dan anak tikus. / Budak miskin ke rumah Syahbandar untuk bertemunya setelah mengembara selama beberapa hari.

**(iii)** **Istana raja** [1+1]
Huraian : Budak miskin ke istana raja untuk menunjukkan kehebatan anak ular naga kepada raja.

**(iv)** **Sungai** [1+1]
Huraian: Anak ular naga pergi berendam di dalam sungai.

**(v)** **Tasik Hijau** [1+1]
Huraian: Tempat tinggal datuk naga / keluarga naga. / budak miskin menerima cincin daripada Raja Naga

**(vi)** **Di bawah sepohon pokok di dalam hutan** [1+1]
Huraian: Hulubalang Raja Naga / utusan bonda anak naga bertemu / berjumpa budak miskin untuk menukarkan cincin hikmat dengan tongkat sakti.

**(vii)** **Rumah orang tua di dalam hutan** [1+1]
Huraian: Budak miskin menukar tongkat saktinya dengan parang puting kepunyaan orang tua.

**(viii)** **Balai penghadapan istana Raja Indera Maha Dewa** [1+1]
Huraian: Raja Indera Maha Dewa dan semua pembesar negeri berkumpul di balai penghadapan untuk berbincang mencari jalan mendapatkan ‘putera’.

 © 2025 Hak Cipta SMKT 

**(ix) Pulau Cahaya Purnama** [1+1]
Huraian: Raja Indera Maha Dewa dan permaisurinya pergi ke Pulau Cahaya Purnama dan berkaul / bernazar / berniat untuk mendapatkan 'putera'.

**(x) Kampung raja / Kota Raja** [1+1]
Huraian: Budak miskin membuat pertunjukan untuk menunjukkan Kehebatan anak ular naga kepada rakyat orang kampung.

**(xi) Di hutan** [1+1]
Huraian: Budak miskin melihat parang putting menebang pokok dengan sendiri. / Budak miskin mencari anak ular naga yang hilang mengikut bekas jejaknya.

**(xii) Di kolam** [1+1]
Huraian: Hulubalang naga masuk ke dalam kolam untuk menyejukkan badannya. / Tempat budak miskin mendapat tongkat sakti.

**[Maksimum : 8 markah]**

**12.c) Pengkaryaan : Adaptasi petikan prosa tradisional kepada syair**

| | | |
|---|---|---|
| **(i)** | Tema | 2 |
| **(ii)** | Bentuk | 2 |
| **(iii)** | Bahasa | 2 |
| **(iv)** | Kreativiti | 2 |

**[Maksimum : 8 markah]**

**Nota :**

1. **Jumlah rangkap syair yang dicipta calon, kurang daripada dua rangkap, berikan 4 markah maksimum.**
2. **Jika calon tidak menulis tajuk syair, tolak 1 markah kreativiti.**
3. **Jumlah rangkap syair yang dicipta oleh calon lebih daripada dua rangkap, periksa seperti biasa.**
4. **Syair yang tidak menepati tema/ isi/maksud dalam petikan, berikan markah 0 tema**

 © 2025 Hak Cipta SMKT 

| | | | |
|---|---|---|---|
| **13.a)** | | **Tema** | **Markah** |
| | **(i)** | **Bertemakan tentang hubungan antara alam sekitar dengan manusia.**<br>Huraian : Penyajak menceritakan tentang keunikan dan keindahan khazanah alam yang penuh sejarah silam dan semakin sukar untuk dipertahankan pada zaman ini oleh manusia./<br><br>Daun-daun pun berzikir<br>dengan bahasa diamnya<br>mencari wajah yang lain<br>merasa tenang dari kesibukan yang menyisih /<br><br>Ketika tidur di kakimu<br>memeluk bayangan silam<br>berselimutkan kisah sejarah<br>yang penuh sindiran alam /<br><br>Di puncakmu aku terpegun<br>melihat mesranya pohon<br>menyapa dengan kalimat indahnya /<br><br>Ketika turun pun<br>masih terasa<br>jari-jari mesra alammu<br>pada sungai setiamu<br>pada pohon sabarmu | [2+2] |

**[Maksimum : 4 markah]**

| | | | |
|---|---|---|---|
| **13.b)** | | **Bentuk** | |
| | **(i)** | **Mempunyai rangkap/ada rangkap/berangkap.**<br>Huraian : Mempunyai 5 rangkap | [1+1] |
| | **(ii)** | **Mempunyai jumlah baris serangkap tidak sama.**<br>Huraian : Mempunyai 2 hingga 9 baris serangkap. | [1+1] |
| | **(iii)** | **Mempunyai jumlah patah perkataan sebaris tidak sama.**<br>Huraian : Mempunyai 2 hingga 6 patah perkataan sebaris. | [1+1] |
| | **(iv)** | **Mempunyai jumlah suku kata sebaris tidak sama.**<br>Huraian : Mempunyai 5 hingga 15 suku kata sebaris. | [1+1] |
| | **(v)** | **Mempunyai rima akhir serangkap tidak sama.**<br>Huraian : Mempunyai rima akhir rangkap 1 abcdefgf, rangkap 2 abcbde, rangkap 3 abca, rangkap 4 abcccc dan rangkap 5 aa. | [1+1] |

 © 2025 Hak Cipta SMKT 

**(vi) Mempunyai bentuk bebas.** [1+1]
Huraian : Mempunyai jumlah baris serangkap tidak sama/ mempunyai jumlah patah perkataan sebaris tidak sama/ mempunyai jumlah suku kata sebaris tidak sama/ mempunyai rima akhir serangkap tidak sama.

**[Maksimum : 8 markah]**

**13.c) Pengkaryaan : Cipta sajak bertemakan cinta akan alam sekitar**

| | | |
|---|---|---|
| **(i)** | Tema | 2 |
| **(ii)** | Bentuk | 2 |
| **(iii)** | Bahasa | 2 |
| **(iv)** | Kreativiti | 2 |

**[Maksimum : 8 markah]**

**Nota :**

1. **Jumlah baris sajak yang dicipta calon, kurang daripada tujuh baris, berikan 4 markah maksimum.**
2. **Jumlah baris yang dicipta oleh calon, tujuh hingga sebelas baris, berikan 1 markah maksimum untuk bentuk.**
3. **Jika calon tidak menulis tajuk sajak, tolak 1 markah kreativiti.**
4. **Jumlah baris sajak yang dicipta oleh calon lebih daripada lima belas baris, periksa seperti biasa.**
5. **Sajak yang tidak menepati tema sajak, berikan 0 markah tema.**

**14.a) Teknik plot**

**(i) Teknik pemerian** [1+1]
Contoh : Hanya Penghulu Sudin dan beberapa orang anak buah terdekatnya bertepuk tangan. Encik Firdaus terpinga-pinga menyaksikan keadaan tersebut./ Wajah Penghulu Sudin merah padam apabila semua penduduk kampung yang hadir dalam majlis randau bersama wakil rakyat memandang mukanya dengan sinis.

**(ii) Teknik monolog dalaman** [1+1]
Huraian : ‘Terlalu ramai mereka yang akan tersenarai dalam senarai hitamnya,’ bisik hati Penghulu Sudin

**(iii) Teknik imbas muka** [1+1]
Huraian : Jika ada dalam kalangan penduduk kampung yang bakal tersenarai dalam senarai hitamnya, mereka tidak akan mendapat bantuan daripada Penghulu Sudin, termasuk mendapat berita mahupun maklumat terkini tentang apa-apa sahaja projek yang sepatutnya mereka nikmati.

**[Maksimum : 4 markah]**

 © 2025 Hak Cipta SMKT 

| 14.b) | | **Saranan nilai terhadap perwatakan Penghulu Sudin** | **Markah** |
|---|---|---|---|
| | **(i)** | **Nilai kejujuran dalam pekerjaan.**<br>Huraian : Penghulu Sudin sepatutnya jujur berterus terang dengan penduduk kampung berkaitan urusan kampung. | [2+2] |
| | **(ii)** | **Nilai kesabaran dalam kehidupan.**<br>Huraian : Penghulu Sudin sepatutnya bersabar terhadap penduduk kampung dengan mengawal sikap panas barannya. | [2+2] |
| | **(iii)** | **Nilai toleransi dalam perhubungan.**<br>Huraian : Penghulu Sudin sepatutnya bertolak ansur dengan cadangan dan persoalan yang diutarakan oleh penduduk kampung. | [2+2] |
| | **(iv)** | **Nilai hemah tinggi dalam tindakan**<br>Huraian : Penghulu Sudin sepatutnya tidak memfintah Pak Jaya sehingga digugurkan menjadi calon penghulu Kampung Kuah. | [2+2] |

**[Maksimum : 8 markah]**

| 14.c) | | **Pengkaryaan : Adaptasi petikan cerpen menjadi seloka** | |
|---|---|---|---|
| | **(i)** | Tema | 2 |
| | **(ii)** | Bentuk | 2 |
| | **(iii)** | Bahasa | 2 |
| | **(iv)** | Kreativiti | 2 |

**[Maksimum : 8 markah]**

**Nota :**

1. **Jumlah baris seloka yang dicipta calon, kurang daripada tujuh baris, berikan 4 markah maksimum.**
2. **Jumlah baris yang dicipta oleh calon, tujuh hingga sebelas baris, berikan 1 markah maksimum untuk bentuk.**
3. **Jika calon tidak menulis tajuk seloka, tolak 1 markah kreativiti.**
5. **Jumlah baris seloka yang dicipta oleh calon lebih daripada lima belas baris, periksa seperti biasa.**
5. **Seloka yang tidak menepati mana-mana maksud petikan cerpen sajak, berikan 0 markah tema.**

| **15.a)** | **Nilai** | **Markah** |
|---|---|---|
| **(i)** | **Nilai kasih sayang**<br>Huraian: Zaki amat mencintai Anna apabila mengambil keputusan untuk berkahwin dengan Anna / Anna juga amat menyayangi Zaki sehingga sanggup mengahwini Zaki dan meninggalkan bapanya di London / Zaki sayangkan ibunya (Mak Munah), sayangkan isterinya ( Anna) dan sayangkan anaknya (Tina) | [1+1] |
| **(ii)** | **Nilai patriotisme**<br>Huraian: Zaki sangat mencintai tanah airnya. Dia melanjutkan pelajarannya dalam bidang sejarah di Universiti Cambridge di London/ Zaki sayangkan bangsa dan negaranya. | [1+1] |
| **(iii)** | **Nilai bertanggungjawab**<br>Huraian: Mak Munah bertanggungjawab menyara pelajaran Zaki sehingga ke luar negara / Zaki bertanggungjawab menjaga dan merawat Mak Munah yang banyak berjasa kepadanya. | [1+1] |
| **(iv)** | **Nilai pengorbanan**<br>Huraian: Mak Munah sanggup menggadaikan tanahnya demi membiayai pengajian Zaki di luar negara/ Anna berkorban demi cintanya kepada Zaki sehingga sanggup meninggalkan bapa dan pengajiannya. | [1+1] |
| **(v)** | **Nilai mengenang jasa**<br>Huraian : Zaki mengenang jasa pengorbanan ibunya Mak Munah yang banyak berkorban menanggung pengajiannya di luar negara. | [1+1] |
| **(vi)** | **Nilai keprihatinan.**<br>Huraian: Dr. Chan prihatin akan masalah yang dihadapi oleh ibu Zaki dan dia menawarkan diri untuk merawat mata ibu Zaki yang hampir buta. | [1+1] |
| **(vii)** | **Nilai kejujuran**<br>Huraian : Anna berterus terang kepada Dr. Chan bahawa dia tidak bahagia selama 4 tahun berkahwin dengan Zaki. | [1+1] |

**[Maksimum : 4 markah]**

| **15.b)** | **Unsur Patriotisme pada watak Zaki** | |
|---|---|---|
| **(i)** | **Setia terhadap bangsa dan tanah air**<br>Huraian: Zaki berkerja di tanah air setelah tamat belajar di Universiti luar negara. | [2+2] |
| **(ii)** | **Mencintai sejarah tanah air**<br>Huraian: Zaki merupakan graduan jurusan sejarah Universiti Cambridge Landon dan menjadi ahli sejarah. | [2+2] |

 © 2025 Hak Cipta SMKT 

**(iii)** **Setiakawan tanpa mengira bangsa dan agama.** [2+2]
Huraian : Zaki bersahabat baik dengan Dr Chan sejak di bangku sekolah, walaupun berlainan bangsa dan agama.

**[Maksimum : 8 markah]**

**15.c)** **Pengkaryaan : Sambung dialog petikan drama**

| | | |
|---|---|---|
| **(i)** | Idea/ isi | 2 |
| **(ii)** | Teknik | 2 |
| **(iii)** | Bahasa | 2 |
| **(iv)** | Kreativiti | 2 |

**[Maksimum : 8 markah]**

**Nota :**

1. **Isi yang ada kesinambungan dalam petikan, berikan 0 markah untuk idea/isi.**
2. **Jika calon menulis kurang daripada enam dialog, berikan maksimum 4 markah.**
3. **Jika jumlah markah isi, teknik, dan bahasa ialah 6, berikan markah kreativiti 2 markah.**
4. **Jika calon menulis lebih daripada 8 dialog, periksa seperti biasa.**

**16.a)** **Pemindahan maklumat : Keadaan Persekitaran rumah bekas komandan**

| | | |
|---|---|---|
| **(i)** | Uzur dan sepi | 1 |
| **(ii)** | Pintu pagar rumah terbuka | 1 |
| **(iii)** | Rumput-rumput tumbuh liar di perkarangan | 1 |
| **(iv)** | Laluan masuk bersimen telah berlumut | 1 |
| **(v)** | Pintu rumah itu melopong | 1 |
| **(vi)** | Jendela-jendelanya terbuka luas | 1 |

**[Maksimum : 4 markah]**

 © 2025 Hak Cipta SMKT 

| | | | |
|---|---|---|---|
| **16.b)** | | **Pandangan terhadap perwatakan Tuan Kawai** | **Markah** |
| | **(i)** | **Arif / bijak / berpengetahuan tentang ilmu perikanan**<br>Huraian: Tuan kawai bijak/arif tentang selok -belok ternakan laut dalam sangkar. Dia tahu kawasan yang mempunyai lubuk ikan dan waktu yang sesuai untuk menangkap ikan. | [2+2] |
| | **(ii)** | Berpengalaman/ pakar dalam sesuatu bidang luas<br>Huraian:Tuan Kawai sangat arif tentang dunia laut dan isinya kerana telah lama terlibat sebagai nelayan sejakberusia 15 tahun | [2+2] |
| | **(iii)** | **Berani dalam tindakan**<br>Huraian : Tuan Kawai sanggup melabur secara besar-besaran untuk memiliki Kawai Maru yang mampu menampung 200 orang pekerjanya. | [2+2] |
| | **(iv)** | **Gigih berusaha dalam mencapai cita-cita**<br>Tuan Kawai sanggup belayar dan sanggup menempuh gelombang laut selama tiga hingga enam bulan bersama Kawai Maru untuk mencari ikan. | [2+2] |
| | **(v)** | **Berpandangan jauh dalam urusan perniagaan**<br>Huraian: Dengan memiliki Kawai Maru, penduduk Jepun tidak perlu lagi mengimport ikan dari negara lain seperti Amerika, China, Thailand dan Rusia malah sejauh India dan Chile tetapi bergantung hasil tangkapan ikan Tuan Kawai. | [2+2] |

**[Maksimum : 8 markah]**

| | | | |
|---|---|---|---|
| **16. c)** | | **Citra masyarakat** | |
| | **(i)** | **Gambaran masyarakat yang menjadikan haiwan peliharaan sebagai binatang buruan dalam pertandingan.**<br>Huraian: Keluarga Presiden, keluarga para menteri dan orang kenamaan Ogonshoto, rakyat jelata serta Pemuda itu menyertai pertandingan memburu binatang peliharaan. | [2+2] |
| | **(ii)** | **Gambaran masyarakat yang tidak berperikemanusiaan**<br>Huraian: Tentera elit presiden tiba-tiba muncul dari sebalik semak dan memotong lidah serta kedua-dua tapak tangan pemuda itu atas arahan presiden. | [2+2] |
| | **(iii)** | **Gambaran masyarakat yang membantu orang dalam kesusahan.**<br>Huraian: Para resi telah menyelamatkan pemuda itu yang mengalami kecederaan dengan membantu merawat lukanya. | [2+2] |

(iv) **Gambaran masyarakat yang tidak bertanggungjawab/ amanah** [2+2]
Huraian: Jeneral dan Pegawai Kanan pemerintah Ture mengamalkan rasuah dalam perebutan jawatan wakil Ture / Pihak urus niaga pemerintah telah memberikan komisen sebanyak 10% kepada isteri Presiden.

(v) **Gambaran masyarakat yang pecah amanah / khianat** [2+2]
Huraian: Presiden dan orang-orangnya mengambil tanah nelayan dan petani secara pecah amanah atau khianat untuk pembangunan bandar dan perindustrian.

(vi) **Gambaran masyarakat yang mengamalkan kronisme/mengutamakan pengikut.** [2+2]
Huraian : Orang-orang Presiden menerima dan mengumpulkan harta kekayaan yang diagihkan oleh Presiden

(vii) **Masyarakat yang tidak mementingkan alam sekitar** [2+2]
Huraian : Pihak pemerintah telah memusnahkan kawasan hutan pedalaman Kuri untuk pembinaan padang golf bertaraf antarabangsa sehingga menyebabkan bencana alam di Ogonshoto.

**[Maksimum : 8 markah]**

**PERATURAN PERMARKAHAN TAMAT**

 © 2025 Hak Cipta SMKT 